

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK - BN ]**

TARIKH : **10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 95)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah cadangan Kementerian dalam memenuhi pengisian program yang lebih baik bagi penganjuran Hari Belia Negara untuk tahun-tahun yang akan datang; dan
- (b) berapa yang dibelanjakan setiap kali sambutan Hari Belia Negara dan apakah hasilnya setelah sambutan Hari Belia Negara.

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian bercadang Sambutan Festival Belia Putrajaya pada tahun hadapan dikekalkan ke peringkat daerah dan negeri dengan pendekatan dan pengisian terhadap pembangunan modal insan, penerapan konsep dari belia untuk belia dan semangat perpaduan serta integriti sambil berhibur. Kementerian juga akan menekankan kepada kreativiti dan inovasi yang ditonjolkan oleh belia dalam semua peringkat. Aktiviti-aktiviti kerohanian akan dikekalkan dan diperbanyakkan bagi melahirkan belia yang mempunyai jati diri yang kuat bagi menghadapi arus perdana masa kini.

**JAWAPAN (b)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbelanjaan Sambutan Hari Belia Negara adalah mengikut kepada keperluan aktiviti dan acara yang dilaksanakan. Bagi Festival Belia Putrajaya 2014 perbelanjaan adalah sebanyak RM 10 juta.
2. Pada setiap tahun, Kementerian melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan penilaian ke atas impak sambutan Hari Belia Negara terutama sambutan Festival Belia Putrajaya.
3. Pada tahun ini, berdasarkan kepada hasil pelaporan awal kajian yang dilaksanakan melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah

dan negeri di seluruh Malaysia dari aspek impak sosial menunjukkan:-

- i. Keterlibatan belia dari aspek kesukarelawan menunjukkan 34.0 peratus.
  - ii. Elemen perpaduan nasional sebanyak 59.4 peratus.
  - iii. Elemen kreativiti sebanyak 53.9 peratus.
  - iv. Elemen kerohanian dan modal insan sebanyak 60.1 peratus.
  - v. Elemen identiti seni budaya dan warisan 58.9 peratus.
4. Selain itu, hasil dapatan kajian turut mendapati penganjuran Hari Belia Negara bukan sahaja memberi impak sosial kepada pengunjung yang hadir, malah ia memberi impak dari sudut peluang ekonomi kepada golongan belia untuk terlibat dalam bidang keusahawanan semasa penganjuran Hari Belia Negara. Hasil “*Focus Group Discussion*” kepada para peniaga menyatakan, majoriti daripada mereka berjaya menjana peluang ekonomi sekitar RM1,500 - RM2,000 bagi tempoh 3 hari pelaksanaannya.
5. Manakala pada tahun 2013, dari segi impak sosialnya adalah skor bagi pembangunan belia mencatatkan nilai 61.6% yang berada pada kategori baik, skor bagi pembangunan budaya mendapat nilai skor 60%, skor bagi konsep 1Belia 1Malaysia mencatat nilai skor sebanyak 63%, skor perpaduan nasional mencatat sebanyak 62.5% dan skor kreativiti belia mencatat sebanyak 72.5%. Ke semua skor ini berada pada kategori baik. Manakala dari segi impak ekonomi didapati FBP 2013 dapat menjana output sebanyak RM192,059,035 dan nilai tambah RM104,556,743. Dapatan kajian

2013 juga menunjukkan golongan belia (83.8% responden kajian) amat berinformatif dan bijak dalam merancang perbelanjaan mereka.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai impak ekonomi dan sosial yang positif ini memberikan gambaran bahawa, pelaksanaan FBP sempena sambutan Hari Belia Negara amat bertepatan kerana membuka ruang kepada penambahan ekonomi dan kesejahteraan golongan belia.

Sekian, terima kasih.